



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### STATUS PENUBUHAN SURUHANJAYA PEKERJA GIG

---

1. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah mengambil tindakan segera ke atas keputusan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Pekerja Gig. Pasukan Perunding dari Universiti Malaya telah dilantik dalam bulan April 2024 dan Menteri Sumber Manusia sendiri mempengerusikan mesyuarat bersama mereka pada 14 Mei 2024.
2. Mesyuarat telah merumuskan bahawa kerangka penubuhan Suruhanjaya Pekerja Gig di Malaysia perlu mengambil kira perkara-perkara berikut untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja gig:
  - (i) perundangan yang terlibat (akta baharu);
  - (ii) mekanisme kilanan (*grievance mechanism*);
  - (iii) struktur dan fungsi Suruhanjaya;
  - (iv) implikasi kewangan;
  - (v) penentuan kadar upah, perlindungan sosial dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan; dan
  - (vi) pangkalan data bersepadu bagi pendaftaran pekerja gig dan penyedia platform.
3. Penubuhan Suruhanjaya Pekerja Gig ini membolehkan satu saluran formal diwujudkan bagi mengendalikan isu-isu pekerja dalam sektor gig, seperti aduan kilanan berkaitan manipulasi platform kepada pekerja gig, penentuan kadar upah dan perkara-perkara lain yang berkaitan.
4. Laporan Interim akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan Jun 2024 dan Laporan Akhir akan dibentangkan pada bulan September 2024.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
20 MEI 2024**